

BAB PERTAMA

PENGENALAN

BAB PERTAMA

RANGKA KAJIAN

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Maf'ūl fīh merupakan salah satu daripada bahagian ayat bahasa Arab yang terdiri daripada tiga perkara utama, iaitu:

- 1) ayat namaan (جُمْلَةُ الْأَسْمِيَّةِ),
- 2) ayat kerjaan (جُمْلَةُ الْفَعْلِيَّةِ)
- 3) ayat separa (شِبْهُ الْجُمْلَةِ).

Ketiga-tiga bahagian ini merupakan asas utama pembentukan setiap ayat dalam bahasa Arab.(1)

Kajian hanya difokuskan kepada maf'ūl fīh, iaitu ayat separa yang terdiri daripada kata sendi yang mentafsirkan masa, contohnya ; لَيْلًا (pada waktu malam) dan tempat, contohnya : تَحْتَ (di bawah). Kedua-duanya(2) adalah maf'ūl fīh atau zarf yang menunjukkan masa dan tempat yang seringkali

1. Ibn Hisyām, Mugnī al-Labīb, Maktabat al-Tijāriyyat al-Kubrā, Juz-2, hal-376

2. Aḥmad Qabbish, al-Kāmil fī al-Naḥw wa al-Ṣarf wa al-Ḥ'āb, Dār al-Rashīd, hal-122

digunakan dalam bahasa Arab sebagai kata pelengkap. Maf'ūl fīh selalunya dibariskan di atas di tempat nasab (kasus akusatif). Namun begitu, hal ini masih lagi belum difahami dengan jelas, terutama di kalangan pelajar bahasa Arab tentang penggunaan maf'ūl fīh secara tepat.

Justeru itu, penulis telah memberi penekanan terhadap masalah penggunaan maf'ūl fīh ini, terutamanya ayat yang mengandungi zarf, iaitu kata sendi yang mentafsirkan masa atau tempat.

Bertolak dari titik inilah, penulis mula membuat andaian yang berkaitan dengan maksud dan huraian tentang syibh al-jumlat (ayat separa) ini, dan membuat beberapa analisis mengenainya untuk mengetahui tentang kelemahan dan kekurangan yang dihadapi oleh para pelajar dalam memahami erti sebenar maf'ūl fīh.

1.1 SEBAB-SEBAB PEMILIHAN TAJUK

Berkenaan dengan pemerolehan bahasa Arab oleh pelajar-pelajar di sesetengah sekolah, umumnya mereka masih belum dapat membezakan maf'ūl fīh dengan kata namaan yang lain seperti maf'ūl mutlak, maf'ūl bih dan sebagainya. Hal ini telah mendorong penulis untuk cuba mendominasi pemahaman pelajar berkenaan dengan maf'ūl fīh atau kata nama adverba, memandangkan ia menjadi salah satu tajuk utama yang diperbahaskan oleh kebanyakan sarjana bahasa Arab di timur mahu pun di barat.

Sebagai seorang pendidik yang menimba banyak pengalaman daripada pengajaran bahasa Arab di sekolah, penulis berasa tertarik untuk memilih tajuk kajian mengenai analisis maf'ūl fīh, memandangkan masih ramai lagi pelajar yang belum memahami secara detail dan jauh sekali untuk menguasai tajuk yang bakal dibincangkan ini. Tambahan pula, penggunaan kata adverba (maf'ūl fīh) telah banyak mempengaruhi struktur binaan ayat namaan dan turut mempengaruhi binaan ayat kerjaan di kebanyakan ayat dalam bahasa Arab. Jadi, hal ini menjadi daya tarikan kepada penulis untuk membongkar pengaruh maf'ūl fīh dan seterusnya mendedahkan rahsia kelemahan pelajar yang akan dijelaskan pada bahagian analisis.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Permasalahan yang timbul ialah kurangnya minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab bukan sahaja berlaku di kalangan pelajar di bawah Kementerian Pendidikan bahkan hal ini merebak ke seluruh sekolah-sekolah agama dan juga institusi-institusi pengajian lain termasuklah universiti-universiti. Mengikut maklumat yang diperolehi, antara sebab permasalahan ini ialah kurangnya penekanan terhadap morfologi dan sintaksis termasuklah tajuk yang bakal dibincangkan iaitu maf'ūl fīh dari aspek pemahaman dan pendedahan serta pengajaran bahasa Arab secara sistematik yang dilakukan oleh tenaga pengajar bahasa Arab khususnya, dan juga pencinta bahasa ini amnya.

Oleh itu, penulis cuba mengkaji dan meninjau kebolehan dan kelemahan pelajar mengenai tajuk maf'ul fih, semoga ia sedikit sebanyak mendedahkan beberapa kesulitan yang dihadapi.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan setiap kajian adalah bermatlamat untuk memberi kemudahan kepada penyelidik lain menyambung dan memajukan bidang kajian yang dijalankan. Keadaan ini berterusan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain. Kajian maf'ul fih atau kata nama adverba ini bukan sahaja menjadi bahan bacaan di perpustakaan sahaja malahan ia sepatutnya menjadi bahan rujukan tambahan kepada pengkaji yang akan datang.

Secara umum kajian ini mempunyai tujuan-tujuan tertentu untuk manfaat pihak-pihak yang berkepentingan terutamanya pelajar-pelajar bahasa untuk mendalami beberapa aspek berkenaan dengan maf'ul fih di samping ia menjadi panduan kepada guru-guru untuk memperbaiki kaedah pengajaran bahasa Arab berpandukan kepada aspek-aspek maf'ul fih yang berkaitan dan juga cadangan yang dikemukakan. Selain itu ia dapat membantu dalam mengenal pasti setiap permasalahan yang timbul dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kajian ini penting, memandangkan sesuatu ayat namaan atau ayat kerjaan memerlukan keadaan untuk menjelaskan masa dan tempat suatu peristiwa atau perbuatan. Keadaan yang dimaksudkan ialah kata nama yang

1.5. BATASAN KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah menengah agama, iaitu Sekolah Menengah Agama Tarbiyyat Mardiyat, Panchor, Kelantan. Di sini, penulis telah menjalankan kaji selidik ke atas 50 orang pelajar di tingkatan empat dan lima mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan maf'ul fi'h di samping mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan kesilapan bahasa yang berkaitan. Secara umumnya kajian ini membataskan kepada beberapa aspek penting iaitu :

- I) Menjelaskan tentang pembentukan dan peranan maf'ul fi'h dalam ayat.
- II) Menghuraikan penggunaan zarf zamān dan zarf makān dan anasir-anasirnya.
- III) Menerangkan pendapat ulama mengenai maf'ul fi'h terutama pendapat dari ulama Kūfah dan Baṣrah.
- IV) Analisis kesilapan penggunaan konsep maf'ul fi'h di kalangan pelajar dan kaedah mengatasinya.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penulis akan menggunakan beberapa pendekatan yang terkini merangkumi beberapa aspek penting iaitu : sampel, kaedah, prosedur penyelidikan, analisis data dan rumusan. Penulis akan menerangkan satu persatu berkenaan dengan perkara-perkara yang disebutkan di atas iaitu :

1.6.1 SAMPEL

Sampel kajian ialah dengan membuat pemantauan atau kaji selidik di Sekolah Menengah Agama 'Arab Tarbiyyat Mardiyyat, Kemumin, Kelantan iaitu berkenaan dengan penggunaan maf'ul fih di kalangan pelajar Melayu, yang telah dijalankan di sekolah tersebut dan hasilnya dikemukakan oleh penulis di bahagian akhir perbahasan ini.

1.6.2 PERKAEDAHAN

Kaedah yang dijalankan adalah seperti berikut iaitu :

- I) Keperpustakaan
- II) Kaedah pengumpulan data
- III) Analisis data kesilapan serta perbandingan.

1.6.3 ANALISIS DATA DAN PERBANDINGAN

Data yang dikumpulkan seterusnya dianalisis dari sudut kesilapan dan kesalahan penggunaannya di dalam ayat bahasa Arab. Setiap sudut kesalahan akan ditunjukkan pada bahagian-bahagian perbahasan.

Selain itu, penulis juga membuat perbandingan data-data daripada pelajar-pelajar sekolah Menengah Agama Arab Tarbiyyat Mardiyyat, Panchor, Kemumin, mengenai kemampuan mereka dalam menguasai maf'ul fih. Perbandingan dinyatakan dalam bentuk jadual bagi melihat kemampuan dan kebolehan mereka dalam penggunaan tatabahasa Arab khususnya maf'ul fih.

1.6.4 PROSEDUR KAJIAN

Umumnya disertasi yang dihasilkan mempunyai beberapa tahap yang tertentu sebelum penyelidikan dijalankan. Tahap-tahapnya adalah seperti berikut, iaitu :

a- PERINGKAT PERMULAAN

Peringkat ini adalah peringkat permulaan dalam penulisan iaitu setiap data dikumpulkan mengikut tajuk yang diperbincangkan. Sumber data terdiri daripada buku-buku yang didapati dari perpustakaan, juga disertasi dan tesis daripada penyelidik yang terdahulu. Dalam tempoh ini pengkajian teliti dibuat untuk mendapat bahan yang sesuai untuk diketengahkan supaya ia dapat difahami dengan senang.

b- PERINGKAT MERANGKA DAN PENYELIDIKAN

Setelah bahan penyelidikan dapat dikumpulkan, rangka kerja dibuat untuk menghasilkan kajian disertasi yang dikehendaki. Di peringkat ini, borang kaji selidik dirangka berdasarkan kepada kemampuan responden (pelajar) iaitu tahap kemampuan mereka dalam menjawab setiap soalan yang dikemukakan. Setelah itu kaji selidik dijalankan untuk melihat keputusan responden tentang tahap kemampuan mereka dalam kajian yang dijalankan. Untuk mendapat keputusan yang memuaskan para pelajar disediakan masa secukupnya iaitu selama 45 minit dalam soal selidik mengenai maf'ul fih.

c- PERINGKAT PENULISAN

Setelah soal selidik dijalankan, penulis memulakan tahap seterusnya iaitu tahap penulisan setiap data yang diambil dari kaji selidik yang dijalankan di sekolah berkenaan. Tempoh ini mengambil sedikit masa kerana memerlukan pengamatan yang teliti terhadap setiap data yang diperolehi kerana banyak kesilapan yang dilakukan oleh pelajar memerlukan kepada ketelitian untuk membetulkan setiap kesilapan yang dilakukan supaya dapat dikenalpasti tahap kelemahan pelajar terutama dalam kajian mengenai penggunaan maf'ūl fiḥ. Oleh itu, penulis banyak mendapat nasihat dari penyelia untuk meringankan kesulitan yang dialami oleh penulis dalam menyediakan analisis yang memuaskan.

d- PERINGKAT AKHIR

Pada tahap ini penulis mula membuat penyemakan sekali lagi sebelum ia diserahkan kepada pihak universiti untuk penilaian selanjutnya. Penulis akan membuat penelitian semula berhubung dengan analisis kajian supaya ia selari dengan peraturannya sebelum dibuat rumusan serta cadangan mengenainya. Peringkat ini juga merupakan yang terpenting kerana penyemakan dibuat secara teliti supaya tidak berlaku kesilapan penyusunan dan juga penulisan.

1.7 RANGKA KAJIAN

Kajian mengandung empat bab, iaitu :

Bab Pertama

Bab ini akan mengemukakan penjelasan disertai maf'ūl fīh yang merupakan bab pengenalan, iaitu termasuk rangka kerja yang akan memberikan penjelasan secara sepintas lalu mengenai tujuan disertai dan sebab-sebab pemilihan tajuk tersebut.

Bab Kedua

Bab ini memperihalkan penggunaan maf'ūl fīh dalam bahasa Arab. Pengenalan mengenai maf'ūl fīh (الْمَفْعُولُ فِيهِ) dimulakan pada peringkat awal perbincangan dan disusuli dengan takrifan tentang zarf (الظَّرْفُ) yang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu

- i.) zarf zamān (ظَرْفُ الزَّمَانِ)
- ii.) zarf makān (ظَرْفُ الْمَكَانِ).

Seterusnya diberi pendedahan berhubung dengan penggunaan - penggunaan zarf pada perbincangan berikutnya. Bab ini kemudian diakhiri dengan pendapat-pendapat ulama bahasa dan pendapat penulis sendiri.

Bab ketiga

Dalam bab ini perbincangan ditumpukan kepada analisis kesilapan penggunaan maf'ūl fih di kalangan pelajar-pelajar Melayu yang meliputi beberapa perkara penting dalam penggunaan maf'ūl fih (المَفْعُول فِيهِ). Di bahagian ini setiap kesilapan penggunaan maf'ūl fih dianalisis dan diberi penjelasan tentang cara mengatasinya. Analisis kesilapan yang dijalankan termasuklah kesilapan penggunaan baris maf'ūl fih المَفْعُول فِيهِ pembentukan ayat daripada zarf (الظَّرْفُ). Dalam analisis ini juga penulis menganalisis keadaan latar belakang pelajar kerana ia boleh mempengaruhi pembelajaran pelajar semasa di sekolah.

Bab Keempat

Merupakan bahagian terakhir perbincangan maf'ūl fih, iaitu penulis menumpukan kepada rumusan dan cadangan yang sesuai untuk manfaat pelajar-pelajar dan juga guru-guru bahasa Arab. Rumusan secara ringkas mengenai maf'ūl fih dan implikasinya dalam pembelajaran nahu di sekolah akan dihuraikan dalam bab ini.

1.8 PENUTUP

Penulis akhirnya mengharapkan supaya disertasi ini dapat memberi manfaat kepada semua, khususnya pelajar-pelajar bahasa dan juga penyelidik

bahasa yang berminat mendalami bidang ini. Semoga perkembangan bahasa Arab akan terus maju demi masa depan umat Islam dan juga al-Quran yang menjadi pegangan semua umat Islam.

Akhir sekali penulis tidak menafikan bahawa banyak kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam disertasi ini. Oleh itu, segala saranan dan juga nasihat yang berguna amatlah dialu-alukan untuk meningkatkan lagi mutu disertasi ini. Jadi, setiap yang baik itu adalah ketentuan daripada Ilahi dan yang bersalahan itu adalah daripada kelemahan diri penulis sendiri.